

25/10/2000

Bakun: Sarawak akur keputusan Kerajaan Pusat

KUCHING, Selasa - Kerajaan Sarawak akan akur dengan apa juga keputusan yang dibuat Kerajaan Pusat dalam menentukan keupayaan dan saiz projek empangan hidro elektrik Bakun, yang akan dipulihkan semula.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata kerajaan negeri menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sama ada meneruskan projek itu mengikut cadangan asal dengan keupayaan menjana 2,400 megawatt (MW) tenaga elektrik atau sebaliknya.

Beliau berkata, Dr Mahathir lebih tahu keupayaan bekalan elektrik yang diperlukan oleh negeri dan negara pada masa ini dan akan datang.

Oleh itu katanya, terpulang kepada Perdana Menteri sama ada akan mengekalkan keupayaan pada tahap penuh atau mengurangkannya.

"Sarawak amat fleksibel dalam hal ini, termasuk dari segi ekuiti. Apa yang kerajaan negeri mahu sekarang ialah pelaksanaan projek itu diteruskan dan dipercepatkan," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri mengenai projek itu semalam.

Taib ditemui selepas merasmikan Bengkel Kewartawanan Sains dan Teknologi anjuran Institut Akhbar Malaysia (MPI).

(END)